



BLUE PRINT

MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG
NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU
2011 - 2020



KERAJAAN NEGERI MELAKA

BLUE PRINT

Melaka Maju Negeriku Sayang

Negeri Bandar Teknologi
HIJAU

2011
|
2020

1



UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA

Printed on Recycled Paper

RECYCLED PAPER IS AN ENVIRONMENTAL PAPER WITH RECYCLED FIBERS
" A traditional approach to ecology "

- * MANUFACTURED WITH POST CONSUMER WASTE (75% FOR COLOURED AND WHITE, 50% FOR BRIGHT WHITE) COMBINED WITH FSC CERTIFIED FIBRES;
- * MANUFACTURED WITH 100% GREEN ENERGY, ENERGY RENEWABLE SOURCES;
- * ALL RAW MATERIALS ARE SOURCED FROM CONTROLLED AND CERTIFIED SOURCES;
- * PART OF THE SHIRO RANGE - A COMPLETE ECOLOGICAL OFFER FROM FAVINI.



2

100% Green Energy

The product has been produced with electricity generated from renewable sources
Green Energy helps to reduce CO2 emissions

This electricity comes from the following sources:

- * wind power
- * solar
- * hydro-electric
- * bio gas

Favini and Recycled Paper have been awarded the following certificates:



Melaka Maju Negeriku Sayang
Negeri Bandar Teknologi Hijau
2011 - 2020



Pendahuluan YAB Perdana Menteri Malaysia	5
Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka	7
Alu-aluan YB Menteri KPKT	8
Alu-aluan YB Menteri KeTTHA	9
Ringkasan Eksekutif	11
BAB 1: Dasar Pembangunan Mampan Negara	13
BAB 2: Pencapaian Sosioekonomi Negeri Melaka (2000-2010)	17
BAB 3: Misi Melaka Maju Negeriku Sayang Negeri Bandar Teknologi Hijau 2020	21
BAB 4: Alam Sekitar	29
BAB 5: Demografi	39
BAB 6: Ekonomi Bandar	41
BAB 7: Kemudahan Masyarakat dan Rekreasi	45
BAB 8: Pengangkutan dan Aksesibiliti	49
BAB 9: Pengurusan dan Kewangan	53
BAB 10: Sosiologi dan Impak Sosial	57
BAB 11: Utiliti dan Infrastruktur	65
BAB 12: Pelan Tindakan Melaka Maju Negeriku Sayang Negeri Bandar Teknologi Hijau	77

Melaka Maju Negeriku Sayang
Negeri Bandar Teknologi Hijau
2011 - 2020



BAB 13: Pembangunan Kawasan Khas Teknologi Hijau	81
BAB 14: Rangka Kerja Pelaksanaan	91
BAB 15: Kesimpulan	93
APENDIKS	95
INDIKATOR	98
CATATAN	111



PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.

Kerajaan telah menetapkan matlamat utama untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi dengan ciri keterangkuman dan kebolehmampuan menjelang tahun 2020.

Dalam ekonomi berpendapatan tinggi rakyat boleh menjangkakan manfaat seperti pilihan dan kuasa beli yang tinggi, kualiti hidup yang lebih baik dan peluang meningkatkan mobiliti.

Semua rakyat akan berasa terangkum berikutan hidup dan bekerja dalam persekitaran yang selamat, akses kepada maklumat yang sama rata dan mudah serta setiap bahagian di negara ini adalah sama pentingnya.

Pendekatan tersebut akan memberi rakyat keyakinan terhadap Kerajaan, persekitaran yang lebih baik, pertumbuhan mampan serta pengurusan dan pemuliharaan sumber yang mantap.

Sokongan rakyat untuk bersama-sama menggerakkan perubahan ini memerlukan penglibatan daripada semua pihak, terutamanya di peringkat negeri. Justru, setiap negeri hendaklah mengenalpasti peranan masing-masing dalam memenuhi formula yang telah ditetapkan di peringkat nasional ini.

Oleh itu, langkah Kerajaan Negeri Melaka menyediakan *Blueprint* Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau ini sangatlah disokong dan dialu-alukan sebagai langkah penting ke arah mencapai wawasan negara.

Ketiga-tiga komponen yang dipilih iaitu negeri maju, negeri bandar dan negeri teknologi hijau sememangnya merupakan kekuatan dan kelebihan sedia ada yang telah dimiliki oleh Negeri Melaka.

Ia juga selari dengan matlamat Negara terutamanya pendekatan mampan menerusi penggunaan dan amalan hijau yang selaras dengan hasrat untuk mengurangkan intensiti karbon menjelang tahun 2020.

Saya juga berharap semua pihak akan berganding tenaga dan usaha untuk merealisasikan hasrat negara dengan melakukan transformasi yang diperlukan, demi masa hadapan generasi kita.

Sekian.

1 Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

DATU' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia



**DATU' SRI
MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK**



20 October 2010

To the Citizens of Melaka

Measuring the development of a society - considering whether life is getting better – is one of the most important tasks any statistician can take on.

A key attribute of a developed nation is that decisions are taken on the basis of evidence. Unfortunately, even in the most developed of nations, this is not always the case. So you should be rightly proud that on today, World Statistics Day, you have ensured that hard evidence played such a part in your deliberations.

Congratulations to all who worked so hard to achieve these benchmarks. To those who called for the indicators to be compiled. To those who produced them. And to those who have used them to debate whether – and how – Melaka has developed by benchmarking the indicators against the OECD Member States.

Development is a process, not a point in time. I hope that Melaka will continue to develop in ways that bring sustainable and equitable wellbeing for you all, for your children and for your grandchildren. And I hope you will continue to ensure that statistics play such a key role in public debate and decision-making.

You have my very best wishes for your future.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Jon Hall".


Jon Hall



Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizininannya jua maka usaha ini telah diberkati dengan terbitnya “Blue Print” Melaka Maju Negeriku Sayang Negeri Bandar Teknologi Hijau 2020”.

Selaras dengan pengisytiharan Melaka sebagai negeri maju pada 20 Oktober 2010, dokumen ini mengandungi hala tuju serta sasaran yang perlu dicapai oleh Negeri Melaka dalam tempoh 10 tahun sehingga 2020. Ia akan dijadikan panduan asas oleh semua pihak dalam melaksanakan pembangunan yang ingin dikecapi baik dari aspek sosial mahupun ekonomi, berteraskan falsafah pembangunan mampan dan lestari, menerusi penggunaan teknologi hijau.

Matlamat Kerajaan Negeri memilih konsep “Negeri Bandar Teknologi Hijau” haruslah difahami oleh setiap rakyat Negeri Melaka, kerana di dalamnya tersirat pesanan yang amat penting kepada generasi masa kini, iaitu “Kita hanya meminjam negeri ini dari anak dan cucu kita.” Bumi ini tidak ada penguanya. Melaka hanya satu. Ekosistem yang sihat merupakan penentu kepada kesejahteraan fizikal dan ekonomi negara.



**DATUK SERI
HJ. MOHD ALI RUSTAM**

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan memandang jauh ke hadapan, agenda pembangunan mampan akan dijadikan komitmen yang utuh demi memastikan kesinambungan dan kelangsungan hidup rakyat Melaka di masa hadapan.

Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Institut Perancang Malaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Malaysia Green Technology Corporation, Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, para pegawai kerajaan, pihak swasta dan semua pihak yang telah terlibat dalam penyediaan dokumen ini.

Salam hormat,

DATUK SERI HJ. MOHD ALI RUSTAM

Ketua Menteri Melaka



KATA-KATA ALUAN

Usaha Kerajaan Negeri Melaka dalam merangka dan menerbitkan “*Blue Print*” Melaka Maju ini merupakan salah satu inisiatif yang amat baik dan terpuji. Ini kerana melalui penerbitan ini, semua pihak yang berkepentingan terutamanya rakyat Negeri Melaka memperoleh gambaran mengenai masa depan Negeri Melaka dan seterusnya bersama-sama dengan Kerajaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Melaka yang telah diisytiharkan sebagai Negeri Maju pada 20 Oktober 2010, merupakan satu-satu negeri yang mana kesemua Pihak Berkuasa Tempatnya adalah berstatus Majlis Perbandaran. Ini jelas menunjukkan bahawa komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan seluruh pelosok rakyatnya menikmati hasil pembangunan adalah amat tinggi. Komitmen inilah yang membolehkan Negeri Melaka sentiasa maju di hadapan.

Usaha murni Kerajaan Negeri Melaka dalam menggaris dan menerbitkan sasaran serta matlamat yang ditetapkan sepatutnya dapat dicontohi oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam usaha perancangan pembangunan. Langkah ini dilihat akan membolehkan penduduk negeri Melaka menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan selesa.

Akhir kata, semoga penerbitan pelan induk ini akan menjadi bahan rujukan yang penting dalam menilai kemajuan Negeri Melaka. Adalah menjadi harapan saya agar Negeri Melaka akan kekal maju dan berkembang dengan lebih mapan lagi.



DATO' WIRA CHOR CHEE HEUNG

DATO' WIRA CHOR CHEE HEUNG

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



KATA-KATA ALUAN

Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dunia, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah utama termasuklah mengenalpasti dan menetapkan teknologi hijau sebagai pemacu pembangunan ekonomi masa hadapan.

Dasar Teknologi Hijau Negara menggariskan empat tunggak utama iaitu mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga, memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar, meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi serta meningkatkan kualiti hidup untuk semua.

Langkah Kerajaan Negeri Melaka menerbitkan “Blueprint” Melaka Maju Negeriku sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau ini merupakan usaha yang sangat dialu-alukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menyokong agenda mampan negara.

Bersesuaian dengan status Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia, agenda pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar sememangnya merupakan sinonim dengan Negeri Bersejarah ini. Usaha ini akan lebih berkesan dan terdorong ke hadapan menerusi penggunaan teknologi hijau dan akhirnya melonjakkan lagi kedudukan Negeri ini di peta dunia.

Syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri Melaka dan semua pihak yang telah terlibat dalam merealisasikan penerbitan “Blueprint” ini.

DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air



DATO' SRI PETER CHIN FAH KUI



TAMAN BOTANIKAL MELAKA

MAJLIS PERSEKUTUAN MELAYU
KEMENTERIAN PERTANIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KEMAMPUAN
KEMENTERIAN KEMAJLIRAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN

←

MAJLIS PERSEKUTUAN MELAYU
KEMENTERIAN PERTANIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KEMAMPUAN
KEMENTERIAN KEMAJLIRAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
KEMENTERIAN KEMENTERIAN

→

PLANT SPECIES
IDENTIFICATION TAG





*Melaka
Maju
Negeriku
Sayang*

**NEGERI
BANDAR**

TEKNOLOGI

H

I

J

A

U



RINGKASAN EKSEKUTIF

Negara Malaysia telah menetapkan program pembangunan nasional berteraskan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi dan pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi bagi membolehkan negara tampil sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Negeri Melaka telah mencapai status Negeri maju pada tahun 2010 menerusi kerangka 32 indikator OECD yang meliputi 5 sektor utama iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar, infrastruktur dan pentadbiran. Misi Kerajaan Negeri Melaka seterusnya bagi tahun 2020 ialah untuk mendokong misi dan visi negara menerusi acuan Melaka Maju, Negeri Bandar Teknologi Hijau. Misi dan visi ini merangkumi tiga (3) objektif utama iaitu meningkatkan pencapaian negeri maju "*developed state*"; memperkukuhkan status negeri bandar "*city state*" dan meningkatkan status negeri mampan menerusi penggunaan teknologi dan amalan hijau "*green technology state*"

Hasrat ini diterjemahkan menerusi kerangka Melaka Maju Negeri Bandar Teknologi Hijau yang memberi tumpuan kepada lapan (8) sektor utama iaitu alam sekitar, demografi, ekonomi bandar, pengurusan dan kewangan, pengangkutan dan aksesibiliti, kemudahan masyarakat dan rekreasi, sosiologi dan impak sosial serta utiliti dan infrastruktur. Lapan (8) sektor utama ini seterusnya dibahagikan kepada 52 sub-kategori dan 185 indikator pengukur bagi memudahkan pengukuran pencapaian ketiga-tiga objektif itu.

Pembangunan dua (2) buah kawasan khas bercirikan teknologi hijau iaitu Pembangunan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya dan *Melaka World Solar Valley (MWSV)* akan menjadi pemangkin dan show case kepada semua pihak dalam menterjemahkan objektif ini. Bandar Hijau Hang Tuah Jaya mempunyai komponen kesihatan dan pelajaran akan dibangunkan mengikut perancangan bandar hijau dengan ciri-ciri serta kriteria yang telah ditetapkan untuk sesebuah bandar hijau. Antaranya termasuklah kemudahan utiliti berpusat, bangunan hijau dan amalan hijau. MWSV pula akan menjadi pusat pengeluaran dan penggunaan tenaga boleh diperbaharu khususnya menerusi penggunaan tenaga suria atau solar. Komponen-komponen utama termasuklah penubuhan pusat inovasi tenaga solar, pembangunan industri mikro dalam pengeluaran perkakas solar dan aplikasi tenaga solar oleh premis-premis yang terletak di dalam kawasan tersebut.

Rangka kerja pelaksanaan yang akan digunakan bagi memastikan pelaksanaan dasar ini ialah menerusi penubuhan dua (2) jawatankuasa negeri yang disokong oleh Akademi Teknologi Hijau Melaka serta penubuhan jawatankuasa hijau di setiap jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Melaka.





**DASAR PEMBANGUNAN
MAMPAN NEGARA**



1. DASAR PEMBANGUNAN MAMPAN NEGARA

1.1 Komitmen Hijau Dunia

Masyarakat dunia menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan 8 Sasaran Pembangunan *Millenium -Millennium Development Goals (MDG)* yang ingin dicapai menjelang tahun 2015. Sasaran-sasaran tersebut ialah pembasmian kemiskinan dan kebuluran melampau, mencapai pendidikan universal primer, menggalakkan kesamarataan gender dan memperkasakan wanita, mengurangkan kematian kanak-kanak, memperbaiki kesihatan maternal, memerangi *HIV/AIDS*, malaria dan wabak lain, memastikan kemampunan alam sekitar dan membentuk perkongsian global bagi pembangunan.

Sasaran ke-7 iaitu memastikan kemampunan alam sekitar mencerminkan hasrat dunia untuk mengatasi cabaran pembangunan yang memberi tekanan terhadap sumber-sumber alam dunia. Empat (4) cabaran ditetapkan bagi tujuan ini iaitu mengintegrasikan prinsip-prinsip pembangunan mampan ke dalam dasar dan program negara dan mengalih arah kehilangan sumber alam sekitar; mengurangkan kehilangan biodiversiti menjelang 2010 dengan pengurangan signifikan dalam kadar kehilangan; mengurangkan separuh daripada jumlah penduduk tanpa akses kepada air minum yang bersih dan sanitasi asas menjelang 2015; dan memperbaiki kehidupan sekurang-kurangnya 100 juta penduduk setinggan menjelang 2020.

1.2 Komitmen Hijau Malaysia

Sejak *United Nations Conference on the Human Environment* dilancarkan pada tahun 1972, Malaysia telah melibatkan diri secara serius dalam menangani isu alam sekitar. Pada tahun 1992, Malaysia menunjukkan komitmennya menerusi penglibatan dalam Rio Summit dan mula menggubal Dasar Alam Sekitar Nasional. Komitmen ini telah diteruskan lagi menerusi penglibatan Malaysia sebagai ahli kepada pelbagai perjanjian pelbagai hala berkaitan alam sekitar.

Seterusnya, komitmen nasional ini telah diumumkan kepada komuniti global pada 17 Disember 2009 di Copenhagen, Denmark oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak di mana beliau telah berikrar di *United Nations Framework Convention on Climate Change (COP 15)* bahawa Malaysia akan mengurangkan intensiti emisi karbon dioksida kepada KDNK kepada 40 peratus per KDNK per kapita menjelang tahun 2020, berbanding aras 2005, tertakluk kepada pemindahan teknologi dan kewangan daripada negara maju.

1.3 Dasar Teknologi Hijau Negara

Teknologi hijau ialah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi, dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.





Teknologi hijau merujuk kepada produk, peralatan, atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- * meminimumkan degradasi kualiti persekitaran;
- * ia mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar;
- * ia selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan;
- * menjimatkan tenaga dan sumber asli; dan
- * menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharu.

Dasar Teknologi Hijau Negara adalah berasaskan empat tunggak berikut:

- * Tenaga: - Mencari ketidaktergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga;
- * Alam Sekitar: - Memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar;
- * Ekonomi: - Meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi; dan
- * Sosial: - Meningkatkan kualiti hidup untuk semua.

Terdapat empat (4) sektor utama yang disasarkan untuk mencapai kemajuan yang signifikan dan peningkatan utama melalui aplikasi teknologi hijau iaitu:

Sektor Tenaga

- * Sektor Bekalan Tenaga: Aplikasi teknologi hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga, termasuk penjanaan bersama (*co-generation*) di sektor industri dan komersial; dan
- * Sektor Penggunaan Tenaga: Aplikasi teknologi hijau dalam semua sektor penggunaan tenaga dan dalam program pengurusan permintaan tenaga.

Sektor Bangunan

Menerima pakai teknologi hijau dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan.



Sektor Air dan Pengurusan Sisa

Menerima pakai teknologi hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan kawasan pelupusan sampah; dan

Sektor Pengangkutan

Memasukkan elemen teknologi hijau dalam prasarana pengangkutan dan kenderaan, khususnya biobahan api dan pengangkutan jalan awam.







2. PENCAPAIAN SOSIOEKONOMI NEGERI MELAKA (2000-2010)

Negeri Melaka telah diisytiharkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak sebagai Negeri Maju pada jam 20:10, 20 Oktober 2010. Pengisytiharan tersebut adalah berdasarkan kepada dua (2) kayu pengukur utama iaitu:

i) 32 indikator kuantitatif

- dipersetujui oleh *Organization for Economic Cooperation and Development (OECD)* dan menggunakan 30 buah negara anggota OECD sebagai penanda aras (*benchmarks*);
- skor minima Negeri Melaka ialah sebanyak 90.6% dan telah berjaya mengatasi negara-negara tersebut sebanyak 29 daripada 32 indikator berkenaan;
- Negeri Melaka menduduki tahap no.1 bagi tujuh indikator iaitu bekalan air bersih 100%, bekalan api letrik 100%, kadar kemiskinan terendah, kadar pengangguran terendah, kadar jenayah terendah, peratus terbesar sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi dan pertumbuhan penduduk terbaik;

ii) indikator kualitatif

- persepsi penduduk Melaka sendiri sama ada ia sudah maju atau belum untuk melengkapkan 32 indikator kuantitatif, sesuai dengan pandangan OECD bahawa penduduk sesebuah kawasan itu yang perlu mengiktiraf kemajuan mereka dan tiada mana-mana badan dunia yang mempunyai bidang kuasa untuk memberi pengiktirafan secara rasmi.
- Kajian persepsi yang dikendalikan oleh UiTM Melaka mendapati 81.5% penduduk negeri ini berpendapat bahawa Melaka telah maju. Ini bermakna terdapat korelasi positif atau pertalian yang rapat antara keputusan kajian kuantitatif iaitu 90.6% dengan hasil kajian kualitatif iaitu 81.5%.

Dalam tempoh 11 tahun yang lalu (2000 – 2010), Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya melaksanakan 10 tanggungjawabnya terhadap rakyat berdasarkan “*outcome*” sosioekonomi berikut:

- 1) keamanan dan keselamatan;
- 2) perpaduan dan keharmonian kaum;
- 3) kebebasan bersuara;
- 4) pertumbuhan ekonomi yang pesat;
- 5) peluang pekerjaan yang banyak / kadar pengangguran yang rendah;
- 6) pendapatan isi rumah bertambah / kemakmuran;
- 7) kadar kemiskinan menurun;
- 8) jurang pendapatan mengecil;
- 9) kadar inflasi di tahap sederhana; dan
- 10) negeri mampan.



Dalam tempoh tersebut, Kerajaan Negeri bukan sahaja telah berjaya memajukan negeri, malah telah mendapat pelbagai pengiktirafan baik dari dalam mahupun luar negara. Antaranya, Melaka memperoleh pengiktirafan sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh UNESCO, bandar mampan, negeri terbersih di Malaysia dan negeri yang mempunyai landskap tercantik di Malaysia.

Hasilnya, Negeri Melaka telah melalui transformasi ekonomi daripada sebuah negeri "*back water*" yang bergantung kepada sektor pertanian kepada sebuah ekonomi yang dinamik dan memberi sumbangan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. KDNK Negeri Melaka pada tahun 2010 mencatatkan peningkatan 84.3% berbanding tahun 2000 (harga semasa). Transformasi ekonomi ini diterajui oleh dua (2) sektor utama iaitu sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Sehingga tahun 2008, sektor pembuatan merupakan peneraju utama kepada pembangunan ekonomi. Pada tahun 2010 sumbangan sektor pembuatan berjumlah RM7.0 bilion atau 45.4 % dari KDNK. Pengurangan sumbangan sektor ini kepada KDNK mencerminkan peningkatan sumbangan sektor perkhidmatan terutamanya sub-sektor pelancongan kepada ekonomi negeri.

Pada tahun 2010, sektor perkhidmatan kekal sebagai majikan terbesar dalam ekonomi negeri dengan jumlah 206,700 orang pekerja. Sektor ini merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK dengan jumlah RM7.5 bilion atau 48.5% pada tahun tersebut. Jumlah pengeluaran telah meningkat 100.4% dari RM3.7 bilion pada tahun 2000 ke RM7.5 bilion pada tahun 2010.

Peningkatan sumbangan sektor perkhidmatan di dorong oleh sektor pelancongan hasil kejayaan Kerajaan Negeri mempromosikan 12 sub-sektor pelancongan. Peningkatan sebanyak 377% bagi kedatangan pelancong pada tahun 2010 telah dicatatkan berbanding pada tahun 2000. Jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Melaka pada tahun 2010 ialah seramai 10.3 juta orang terdiri dari 8.2 juta pelancong domestik dan 2.2 juta pelancong asing. Dalam tempoh tersebut, sejumlah 57.6 juta kedatangan pelancong telah direkodkan dan menjana hampir RM12.7 bilion pendapatan dalam sektor ini. (Anggaran purata RM220.00 perbelanjaan per pelancong).

Pembangunan ekonomi yang dilaksanakan boleh disimpulkan mempunyai kekuatan yang unik kerana ekonomi berkembang dengan baik (purata 5.36% setahun), KDNK per kapita meningkat (purata 4.17%), pendapatan isi rumah bertambah (286% dalam tempoh 1999-2009), kadar kemiskinan menurun (kurang dari 1%), jurang pendapatan luar bandar dan bandar bertambah rapat (17.5% dalam tempoh 1995-2009), kadar pengangguran yang rendah (di bawah 1%) dan kadar inflasi di tahap sederhana (purata 2.5% setahun).



Di samping merancang pembangunan ekonomi, Kerajaan Negeri turut berpegang kepada prinsip pembangunan secara inklusif dengan memberikan tumpuan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Sejumlah 13,855 unit rumah awam kos rendah telah dibina oleh Kerajaan sepanjang tempoh 2000-2010 bagi memastikan dasar satu penduduk satu rumah tercapai tanpa mengira kaum mahupun agama. Selain itu, sejumlah 4,902 unit rumah telah dibina atau dibaik pulih dengan nilai RM46 juta bagi memastikan pembelaan golongan kurang bernasib baik.

Dalam konteks pemeliharaan keamanan dan keselamatan, Kerajaan Negeri Melaka telah berjaya mewujudkan dan mengekalkan 2 elemen penting ini dalam kehidupan. Sebagai contoh, kadar jenayah di Melaka hanyalah 744 kes per 100,000 penduduk. Ia bukan sahaja terendah di Malaysia bahkan juga terendah di kalangan 33 buah negara OECD.

Perpaduan dan keharmonian antara kaum adalah tiang seri kepada keamanan, keselamatan dan kemakmuran negara. Keharmonian kaum seperti yang terpancar di Jalan Harmoni sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi kini terus kekal; selari dengan Gagasan 1Malaysia yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Kerajaan terus meneruskan usaha bagi membasmi kemiskinan. Dengan berlandaskan strategi yang tepat iaitu memacu pertumbuhan ekonomi agar pesat berkembang, mewujudkan suasana ekonomi yang kondusif dan menjana peluang pekerjaan yang berkualiti maka pendapatan isi rumah telah melonjak setinggi 286% dalam tempoh tersebut.

Lonjakan pendapatan itu sekaligus telah mampu mengurangkan kadar kemiskinan dari 5.7% pada tahun 1999 kepada 0.5% pada tahun 2009. Ianya adalah yang terendah di Malaysia dan negara-negara OECD. Kejayaan ini telah diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia.

Kerajaan turut bertanggungjawab merapatkan jurang pendapatan, di samping mengurangkan kadar kemiskinan dan menambah pendapatan. Sekali lagi Kerajaan Negeri telah berjaya menunaikan tanggungjawab yang sukar ini. Sebagai contoh, jurang pendapatan antara luar bandar dan bandar telah dapat dikecilkan sebanyak 7% antara tahun 1999 dan 2009. Begitu juga jurang pendapatan antara kaum dan intra kaum telah berjaya dikecilkan. Berbeza, misalnya, dengan Singapura dan USA di mana jurang pendapatan semakin melebar.






3. MISI MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU 2020

Pada tahun 2010, Negeri Melaka telah mencapai status negeri maju, mampan dan negeri bandar menerusi pengukuran 32 indikator OECD dan MURNInet. Pencapaian status tersebut memberi kelebihan dan kekuatan (*niche*) yang unik kepada Negeri Melaka untuk menyumbang kepada pencapaian wawasan negara menjelang tahun 2020. Berasaskan kelebihan ini (*competitive advantage*), Kerajaan Negeri telah menetapkan Misi Negeri Melaka menjelang tahun 2020 dengan memberi penekanan kepada tiga (3) objektif berikut:

- * meningkatkan pencapaian negeri maju (*developed state*);
- * memperkukuhkan status negeri bandar (*city state*); dan
- * meningkatkan status negeri mampan menerusi penggunaan teknologi dan amalan hijau (*green technology state*).


Slogan “**MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG: NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU**” telah dipilih untuk menggambarkan hasrat dan misi tersebut.

Tempoh masa yang ditetapkan bagi mencapai objektif tersebut ialah 10 tahun bermula tahun 2010-2020.





CARTA 3.1 "ROADMAP" MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU





MENINGKATKAN PENCAPAIAN NEGERI MAJU (*DEVELOPED STATE*)

Terdapat pelbagai definisi berbeza negara maju manakala tiada badan antarabangsa yang dapat memberi pengiktirafan “maju” secara rasmi kepada mana-mana negara. Setelah merujuk kepada OECD yang terdiri daripada kumpulan negara-negara yang secara umumnya diakui mempunyai ciri-ciri maju, Kerajaan Negeri Melaka telah memilih untuk mentafsirkan negeri maju berasaskan kepada tiga komponen berikut:

1. Indikator Kualitatif;
2. Indikator Kuantitatif; dan
3. *Physical Look*.

Indikator kualitatif ialah penggunaan kaedah soal selidik bagi mendapatkan persepsi rakyat terhadap kemajuan negeri. Menurut OECD, pengiktirafan dan persetujuan rakyat bahawa negeri tersebut telah maju merupakan salah satu kriteria utama yang diperlukan untuk mengukur kemajuan. Sesebuah negeri di katakan maju seandainya diperakui oleh rakyatnya.

Indikator kuantitatif ialah pengukuran dan perbandingan sebakul indikator-indikator terpilih (*selected basket of indicators*) dalam lima (5) bidang utama iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar, pentadbiran dan infrastruktur. Sejumlah 32 indikator dipilih dan dibandingkan dengan skor terendah, purata dan tertinggi 33 negara-negara OECD sebagai sasaran. Pemilihan negara-negara anggota OECD untuk dibandingkan dengan Negeri Melaka ialah kerana negara-negara ini diiktiraf oleh dunia sebagai negara-negara yang telah maju dalam pelbagai aspek.

Physical Look ialah rupa bentuk fizikal yang boleh dirasai, dilihat atau dialami oleh orang awam di sebuah negeri maju. Ia dibahagikan kepada lima (5) kategori utama iaitu infrastruktur dan kemudahan awam, kebersihan, keceriaan dan landskap, sistem pengangkutan awam serta sistem penyampaian perkhidmatan. Orang awam perlu dapat merasakan perbezaan apabila berada di dalam negeri tersebut berbanding negeri lain, iaitu kualiti hidup yang sepadan sebagai sebuah negeri maju. Kriteria ini adalah berkait rapat dengan kedua-dua indikator kualitatif dan kuantitatif.

Strategi untuk meningkatkan status negeri maju akan menumpukan kepada sepuluh teras utama berikut:

- i. ekonomi yang lebih memberangsangkan;
- ii. pendapatan yang lebih sekata;
- iii. kadar pengangguran, inflasi dan kemiskinan yang lebih rendah;
- iv. peningkatan wanita dalam pentadbiran;
- v. peningkatan pekerja yang berpengetahuan;
- vi. taraf hidup yang lebih berkualiti;
- vii. pengekalan keamanan dan ketenteraman awam;
- viii. sistem infrastruktur yang lebih lengkap;
- ix. peningkatan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- x. sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan.



Pengukuran pencapaian negeri maju adalah ditetapkan menerusi pengukuran indikator kuantitatif iaitu 32 indikator sosioekonomi yang telah dipilih. *Baseline* yang digunakan adalah indikator tahun 2010. *Benchmark* yang digunakan pula adalah skor 33 negara OECD pada tahun semasa.

MEMPERKUKUKAN STATUS NEGERI BANDAR (*CITY STATE*)

Pembangunan perbandaran perlu mempunyai matlamat ke arah mewujudkan persekitaran yang dapat merealisasikan komuniti dan kehidupan yang sejahtera; yang mana memerlukan keseimbangan dalam semua aspek pembangunan iaitu fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Ini adalah selaras dengan usaha ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

Strategi untuk memastikan Negeri Melaka mengekalkan dan memperkukuhkan status negeri bandar "*city state*" hendaklah mengikut enam (6) teras utama berikut:

- i. pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan
- ii. pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing;
- iii. sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien;
- iv. penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti;
- v. pewujudan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti;
- vi. tadbir urus bandar yang efektif.


Pengukuran pencapaian negeri bandar menggunakan 38 indikator MURNInet. *Baseline* menggunakan indikator tahun 2010 dan *Benchmark* menggunakan indikator negara-negara bandar terpilih seperti Singapura, Hong Kong dan Monaco.

MENINGKATKAN STATUS NEGERI MAMPAN MENERUSI PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN AMALAN HIJAU (*GREEN TECHNOLOGY STATE*)

Bandaraya hijau adalah bandaraya yang menjaga kemampanan, ekonomi yang berkembang, memelihara keadilan sosial dan memelihara sistem semulajadi bumi. Ia juga memelihara hak setiap penduduknya terhadap alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat. (Sumber:Deklarasi Bandaraya Hijau *United Nations Urban Environmental Accord (UN-UEA)*).

Strategi untuk memastikan Negeri Melaka meningkatkan status negeri mampan menerusi penggunaan teknologi dan amalan hijau (*green technology state*) hendaklah mengikut tujuh (7) teras utama berikut:

- i. penggunaan tenaga yang mesra alam dan berhemah;
- ii. pengurusan sisa pepejal berdasarkan amalan kitar semula;
- iii. reka bentuk perbandaran yang mesra alam;
- iv. pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bandar;
- v. sistem pengangkutan yang efisien lagi bersih;
- vi. penjagaan kesihatan alam sekitar; dan
- vii. pengurusan dan penggunaan air secara berhemah.






Pengukuran pencapaian negeri teknologi hijau menerusi 170 indikator *United Nations Urban Environmental Accord (UN-UEA)* menggunakan indikator tahun 2010 sebagai *Baseline* dan *4 Star Green City UN-UEA* sebagai *Benchmark*.

KERANGKA GABUNGAN

Sektor dan indikator Melaka Maju 2010, MURNinet dan *UN-UEA* ini telah digabungkan dan diselaraskan bagi sektor dan indikator yang bertindih.

CARTA 3.2 PROSES GABUNGAN SUMBER ASAL






Gabungan ini telah menghasilkan kerangka baru dengan jumlah lapan (8) sektor utama dan 185 indikator, iaitu:

- i. alam sekitar;
- ii. demografi;
- iii. ekonomi bandar;
- iv. pengurusan dan kewangan;
- v. pengangkutan dan aksesibiliti;
- vi. kemudahan masyarakat dan rekreasi;
- vii. sosiologi dan impak sosial; dan
- viii. utiliti dan infrastruktur.

CARTA 3.3 KERANGKA GABUNGAN MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU








ALAM SEKITAR



4. ALAM SEKITAR

Dari sungai ke pantai, dari pulau ke tanah tinggi, hingga ke hutan belantara dan udara yang dihirup oleh rakyat Malaysia, ekosistem yang sihat merupakan penentu kepada kesejahteraan fizikal dan ekonomi negara. Ini bukan hanya berkaitan dengan usaha memulihara bumi, tetapi juga memanfaatkan peluang melalui pembentukan model perniagaan yang berdaya saing dalam ekonomi serta membentuk nilai yang menyumbang ke arah penyelesaian cabaran sosial, ekonomi dan alam sekitar sejagat. (Sumber: RMKe-10). Sejumlah lapan (8) sub-kategori akan diberi tumpuan iaitu kanopi pokok, perubahan iklim, perlindungan habitat, pengurangan toksik, makanan organik, kualiti udara, pemeliharaan sungai dan pencemaran bunyi.





4.1 Kanopi Pokok

KANOPI POKOK	
H4-1	Kualiti alam sekitar mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan perlindungan pokok. Dengan memastikan peratus perlindungan pokok yang tinggi akan mengurangkan keperluan dan perbelanjaan untuk menyediakan infrastruktur pengurusan air dan udara. Pokok dan tumbuhan hijau mempunyai banyak faedah dari segi mengurangkan pencemaran udara, merendahkan suhu, menangani hakisan, larian air (<i>water run-off</i>) dan lain-lain. (Sumber: UNEA)
<i>Baseline 2010 (To be determined)</i>	
<i>Sasaran 2020</i> Mengawal inventori pokok dan sasaran untuk mengekalkan liputan tidak melebihi 50% daripada penanaman sedia ada.	
<p>Pengukuran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. H4-1-1 Peratus liputan kanopi pokok di laluan awam "<i>Public Right of Way</i>"; 2. H4-1-2 "<i>Sidewalk tree sites</i>"; 3. H4-1-3 "<i>Vacant sidewalk tree sites</i>"; 4. H4-1-4 "<i>Per cent of all sidewalk tree site vacant</i>"; 5. H4-1-5 Bilangan penanaman pokok baru; 6. H4-1-6 Bilangan pokok sedia ada 	





4.2 Perubahan Iklim

PERUBAHAN IKLIM	
H4-2	<p>Peningkatan suhu dikaitkan dengan ketidaktentuan pola cuaca, perubahan corak taburan hujan dan zon iklim serta peningkatan aras laut. Berdasarkan faktor iklim dan lokasi, Malaysia merupakan antara negara yang akan mengalami kesan perubahan iklim lebih awal daripada jangkaan seperti banjir pesisir pantai, banjir kawasan pedalaman, penularan penyakit bawaan vektor atau pengurangan hasil pertanian akibat kemarau panjang. Keadaan ini bukan sahaja memudaratkan nyawa dan masyarakat tetapi juga mendatangkan risiko ekonomi yang signifikan. (Sumber : RMKe-10)</p>
<i>Baseline 2010 (To be determined)</i>	
Sasaran 2020 Mengurangkan pembebasan gas rumah hijau sebanyak 40% menjelang tahun 2020	
<p>Pengukuran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. H4-2-1 Metrik tan pengeluaran CO2 per kapita; 2. H4-2-2 Metrik tan pengeluaran CO2 seluruh negeri; 3. H4-2-3 Metrik tan pengeluaran CO2 dari jumlah bekalan tenaga negeri; 4. H4-2-4 Metrik tan pengeluaran CO2 dari penggunaan tanah; 5. H4-2-5 Metrik tan pengeluaran CO2 dari pengangkutan; 6. H4-2-6 Metrik tan pengeluaran CO2 dari pelupusan sisa pepejal; 7. H4-2-7 Metrik tan pengeluaran CO2 dari operasi dan kemudahan kerajaan; 8. H4-2-8 Metrik tan pengeluaran CO2 dari pengangkutan kerajaan 	





4.3 Perlindungan Habitat

PELINDUNGAN HABITAT	
H4-3	Malaysia dikurnia dengan kekayaan biodiversiti hutan dan marin serta diiktiraf antara negara di dunia yang mempunyai mega biodiversiti. Bagi melindungi aset ini, Kerajaan telah menerimapakai <i>Common Vision on Biodiversity</i> yang menggalakkan pelaksanaan pendekatan tiga-serampang merangkumi pengukuhan Sistem Kawasan Perlindungan, pengurusan landskap dan “ <i>seascape</i> ” serta mengurusperdana biodiversiti. (Sumber: RMKe-10)
<i>Baseline 2010 (To be determined)</i>	
<i>Sasaran 2020</i> Melindungi habitat yang terancam daripada pembangunan yang tidak bersesuaian	
<p><i>Pengukuran</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. H4-3-1 Jumlah ekar habitat negeri; 2. H4-3-2 Jumlah ekar habitat dilindungi; 3. H4-3-3 Jumlah ekar habitat dibaikpulih; 4. H4-3-4 Peruntukan baru diperoleh untuk pemuliharaan habitat; 5. H4-3-5 Tanah yang dilindungi (%); 6. H4-3-6 Spesis terancam (Bilangan) 	





4.4 Pengurangan Toksik

PENGURANGAN TOKSIK

H-4-4

“Environmental factors contribute to more than 25% of all diseases worldwide. In the U.S., the yearly cost of just four childhood health problems linked to chemical exposures- cancer, lead poisoning, asthma, and developmental disabilities – is greater than \$54 billion. Chemicals make our lives easier and are included in everyday items like foods, personal care products, prescription drugs, and household cleaners. Sometimes, however, exposure to chemicals can harm us. Exposure to chemicals happens in homes, schools, workplaces, and throughout communities. Accidental releases, certain household products, or hazardous sites are all possible causes of chemical exposures. (Sumber: Agency for Toxic Substances and Disease Registry (ATSDR))”

Baseline 2010 (To be determined)

Sasaran 2020 Setiap tahun mengenalpasti satu produk, kimia atau kompaun yang digunakan dalam negeri yang memberi kesan yang sangat buruk kepada kesihatan manusia dan mengurangkan serta menghapuskan penggunaannya oleh Kerajaan Negeri

Pengukuran

1. H4-4-1 Volum produk kawalan vektor digunakan untuk kawalan vektor di bangunan kerajaan
2. H4-4-2 Volum racun perosak di gunakan di taman awam dan tanah lapang
3. H4-4-3 Volum racun perosak digunakan di bangunan kerajaan
4. H4-4-4 Kategori produk toksik dikurangkan penggunaan oleh kerajaan atau ditukar kepada produk hijau





4.5 Makanan Organik

MAKANAN ORGANIK	
H4-5	<p><i>“Local food integrates production, processing, distribution and consumption on a small scale, thus creating a sustainable local economy. The local food system derives from the goal to reduce emissions from transporting food, while at the same time creates a healthy community. One way to attain successful local food production is through the community gardens. Community gardens are part of the open space network. By allocating the open space for community garden activity, it will not only contribute to the preservation of open space, moreover it creates sustainable uses of the space. Through community gardening, individuals can produce fresh vegetables, beautify their neighborhoods, and make changes in their own communities in an effective ways. As the USDA reported that it is estimated 15% of the world’s food is now grown in urban areas. The idea urban agriculture or urban farming has varied not only to the form of open space, but even the backyard, roof-top and balcony gardening, community gardening in vacant lots and parks and also roadside at the urban fringe. (Sumber: www.ers.usda.gov)”</i></p>
<p>Baseline 2010 (To be determined)</p>	
<p>Sasaran 2020 Menyokong faedah kesihatan dan alam sekitar awam makanan organik tempatan. Memastikan 20% kemudahan Kerajaan (termasuk sekolah) menghidangkan makanan organik tempatan pada 2020</p>	
<p>Pengukuran</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. H4-5-1 Peratus makanan keluaran tempatan dihidangkan di majlis rasmi kerajaan; 2. H4-5-2 Peratus makanan organik dihidangkan di majlis rasmi kerajaan; 3. H4-5-3 Peratus makanan keluaran tempatan dihidangkan di kemudahan milik dan kendalian kerajaan; 4. H4-5-4 Peratus makanan organik dihidangkan di kemudahan milik dan kendalian kerajaan; 5. H4-5-5 Peratus makanan keluaran tempatan dihidangkan di sekolah kerajaan; 6. H4-5-6 Peratus makanan organik dihidangkan di sekolah kerajaan; 7. H4-5-7 Jumlah restoran seluruh negeri; 8. H4-5-8 Peratus restoran menghidangkan makanan organik; 9. H4-5-9 Bilangan pasar tani 	





4.6 Kualiti Udara

KUALITI UDARA	
H4-6	<p>Udara bersih merupakan salah satu elemen penting kepada penjagaan kesihatan penduduk bandar. Pencemaran udara akan mendatangkan kesan mudarat kepada sosioekonomi penduduk terutamanya dalam sektor sensitif alam sekitar seperti pelancongan. Pencemaran udara merupakan satu keadaan yang melibatkan pengenalan sebarang bahan kimia, jirim zarahatan atau bahan biologi yang boleh menyebabkan mudarat atau ketidakselesaan kepada manusia atau organisma hidup lain, atau merosakkan alam sekitar, ke dalam dalam atmosfera. Contoh pencemar udara ialah seperti gas karbon dioksida, sulfur dioksida, kloroflorokarbon, bau-bauan, logam toksik seperti plumbum dan tembaga dan sisa radioaktif. Pencemaran udara antaranya berpunca dari pelepasan asap kotor oleh industri terus ke udara melalui cerobong asap kilang, kenderaan motor di jalan raya dan letusan gunung berapi. Antara kesan pencemaran udara adalah penipisan lapisan ozon, jerebu, hujan asid dan pemanasan bumi. (Sumber: Wikipedia)</p>
<i>Baseline 2010 (To be determined)</i>	
<p>Sasaran 2020 Menggunakan Indeks Kualiti Udara bagi mengukur tahap pencemaran udara dan menetapkan sasaran pengurangan 10% pada 2020 jumlah hari dalam Indeks yang dikategorikan sebagai “<i>unhealthy</i>” dan “<i>hazardous</i>”</p>	
Pengukuran	
<ol style="list-style-type: none"> H4-6-1 Jumlah hari tahap kualiti udara dikategorikan sebagai “Tidak Sihat” 	





4.7 Pemeliharaan Sungai

PEMELIHARAAN SUNGAI	
H4-7	<p>Sungai yang mengalir melalui kawasan yang padat dengan penduduk termasuk bandar-bandar dan taman-taman perumahan sering tercemar dengan sisa pepejal dan tanah terhakis mengakibatkan aras pencemaran yang tidak mampu lagi menampung hidupan akuatik apatah lagi sekatan yang menyebabkan banjir kilat. Hakisan tanah yang disebabkan oleh pembangunan tanah di kawasan sekeliling dan luahan sisa yang tidak dirawat dari kilang yang berdekatan menyumbang lebih lanjut kepada aras pencemaran yang tinggi. Sisa toksik ini bukan sahaja memusnahkan kehidupan akuatik tetapi juga tumbuhan-tumbuhan, flora dan fauna sekeliling disebabkan oleh aras asidnya yang amat tinggi. (Sumber: www.water.gov.my)</p>
<i>Baseline 2010 (To be determined)</i>	
Sasaran 2020 Mencapai Indeks Kualiti Air Sungai pada tahap tertinggi.	
Pengukuran	
1. H4-8-1 Indeks Kualiti Air Sungai (WQI).	





4.8 Pencemaran Bunyi

PENCEMARAN BUNYI	
H4-8	<p><i>“Section 23 under The Environmental Quality Act 1974 stipulates that : “No person shall, unless licensed, emit or cause or permit to be emitted any noise greater in volume, intensity or quality in contravention of the acceptable conditions specified under section 21.”Acceptance limits for noise should be consistent with the environmental noise climate that currently exists at a location -such that an adverse impact on the environment and affected property are avoided, and at the same time maintain a reasonable balance with physical development and/or activities. (Sumber: The planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control)”</i></p>
<p><i>Baseline 2010 (To be determined)</i></p>	
